


PEMIKIRAN ZA'BA DALAM *FALSAFAH* *TAKDIR* (1932)



Nordi Achie

Pemikiran Za'ba
dalam
Falsafah Takdir (1932)

**Pemikiran Za'ba
dalam
Falsafah Takdir (1932)**

NORDI ACHIE

Penerbit UMS

Kota Kinabalu • Sabah • 2006
<http://www.um.edu.my/penerbit>

© Universiti Malaysia Sabah, 2006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Malaysia Sabah.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nordi Achie, 1974-

Pemikiran Za'ba dalam *Falsafah Takdir* (1932) / Nordi Achie.

Mengandungi indeks

Bibliografi: 73-85

ISBN 983-2369-44-4

1. Za'ba, 1895-1973--Views on Faith (Islam). 2. Za'ba, 1895-1973--Views on Islam. 3. Islam and philosophy. I. Judul.

297.22

Pereka Letak Halaman: Amelia Abel

Pereka Kulit: Jupili Selamat

Muka Taip Teks: Tahoma

Saiz Taip Teks dan Leading: 10/14 pt

Pencetak: Syarikat Bumi Yakin

Cenderapena Teristimewa

Ayah dan Bonda ...

Achie Hassim dan Norbillah Abdullah

Zaujah dan Zuriat ...

Harliana Mohd. Arifin
Nurul Natasya Nabilah
Nurul Natasya Nisrina
Haikal Hariz Hazimi
Hafiz Hariz Hazimi

"Kepada kalian, harungilah samudera kehidupan bersama *Bahtera Ahlul al-Bait*".

Pembengkakan pemikiran angسama seperti inilah yang pernah berurat akar dalam amalan beragama dan kehidupan duniawi orang Melayu umumnya; petanda mendapan kerancuan dalam memahami iktikad takdir lantaran, "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan yang ada pada sesuatu kaum [buruk atau baik] sehinggahal mereka sendiri yang mengubah keadaan yang ada pada diri mereka".²

Za'ba bukanlah bercakap kosong kerana Za'ba sendiri merupakan contoh kepada mereka yang nekad berdikari, tanpa Za'ba mengkesampingkan kepentingan bekerjasama dalam urusan yang menuntut amalan secara bekerjasama pula. Inilah hamparan kunci kemajuan dan injap keperkasaan yang Za'ba genggam dalam ledakan pena pengkaryaannya – keberdikarian, kemandirian dan keperibadian unggul. Penulis menginspirasikannya dalam rencana menghasilkan monograf ini. Terima kasih Za'ba.

Pada kesempatan ini, penulis menukilkan replika penghargaan buat Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menerbitkan monograf ini seadanya. Meskipun penulis mempunyai beberapa pilihan lain tetapi demi memancutkan kesetiaan dan memekarkan penghargaan kepada UMS, penulis berpendapat institusi inilah yang terlebih berhak menerbitkannya kerana di sinilah tempat penulis mencari nafkah hidup yang halal dan diberkati Allah.

Buat para guru yang sentiasa abadi dengan sifatnya nan rendah hati, tunjuk ajar yang kalian rintis selama ini, terasa begitu bermakna buat penulis. Begitu juga segugusan nasihat dan bara semangat yang disemarakkan oleh Prof. Dr. Mohd. Sarim Mustajab (sembari berjenaka pilu tentang pengisahan silamnya) dan Prof. Dr. Sabihah Osman (serius dalam raut bicaranya). Buat Noraini Mohamed Hassan, di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, ukiran tinta berharga menjadi perisai diri: "Insya-Allah. Yakin dengan diri sendiri itulah kekuatan D". Kepada Mohd. Nor Azan - berkat doa tulusnya, "Nordi akan lebih berjaya" dan Ahmad Kamal Ariffin (sekeluarga) - lantaran nyanyian lagu Tamilnya yang menggeletek jiwa, terimalah cenderaminda yang tidak seberapa ini.

KANDUNGAN

PRAKATA	viii-x
PRAWACANA	xi-xxiii
BAHAGIAN 1: Latar Belakang Za'ba (1895-1973)	1-12
BAHAGIAN 2: <i>Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir</i> ... (1932): Ulasan dan Kepentingan	13-16
BAHAGIAN 3: Analisis Pemikiran Za'ba Terhadap Iktikad Nasib dan Iktikad Takdir	17-55
BAHAGIAN 4: Za'ba Sebagai Pendeta Takdir dan Teologis Progresif	57-74
BIBLIOGRAFI	75-87
INDEKS	89-91

PRAKATA

Alhamdulillah. Setinggi-tinggi syukur dirafakkan ke hadrat Allah (s.w.t.) kerana mencerahkan kudrat dan menuangkan iradat kepada hamba-Nya sehingga terlunaslah monograf ini. Selawat dan ikrar sumpah setia dibaiahkan kepada Rasulullah (s.a.w.) dan Ahlul al-Baitnya serta para sahabat seperjuangan baginda yang berjihad menegakkan panji kebenaran dan pasak keadilan Islam, lantas mengerdipkan nur keimanan zaman berzaman. Hakikat pahitnya hempedu perjuangan tersebut terpatri dalam firman-Nya.:

Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan agama Islam) dan janganlah berduka cita (terhadap musibah yang menimpa kamu) Kami gilirkan ia [menang atau kalah dalam peperangan] antara sesama manusia (supaya menjadi pengajaran) dan supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang tetap beriman (atau golongan sebaliknya), dan juga supaya Allah menjadikan sebahagian di antara kamu [sebagai] orang yang mati syahid (dalam medan perang *fi sabillillah*).¹

Dalam proses menyiapkan monograf ini, penulis terhutang budi dengan banyak pihak dan individu yang bukan sahaja memahami, malah mentalianhayatkan pelbagai sumbangan yang tidak termilai harganya. Sumbangan yang paling luhur dititipkan dengan pengorbanan dan kesabaran oleh Isteri tercinta dan anak-anak tersayang yang masih kecil – belum mengenali erti sebuah kehidupan. Semoga Allah menyirami kalian dengan embun keampunan, rinjisan rahmat dan titisan hidayah-Nya.

Pada awalnya, jangkaan penulis hanyalah untuk menyiapkan sebuah kertas kerja dan artikel mengenai pemikiran teologi Islam Za'ba dengan rujukan khas kepada karya klasiknya itu – *Falsafah Takdir*. Monograf ini tidak akan dapat dihasilkan sedemikian sekiranya penulis menganggap Allah telah mentakdirkan penulis, sejak azali lagi, hanya mampu menghasilkan sebuah kertas kerja dan artikel sahaja.

Tidak lupa juga kepada Puan Anil Fazira Nordin (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur) kerana kesediaanya membantu penulis mendapatkan senaskhah buku *Falsafah Takdir* yang tersimpan di perpustakaan institusi tersebut di ibu negara. Buat Amelia Abel @ Fariza dan Nelson Justin Adeh, setinggi-tinggi terima kasih kerana sumbangan gigihnya dalam aspek pengaturcaraan huruf. Seterusnya, semua rakan seperjuangan di PPIB yang namanya tidak dapat disenggol satu persatu kerana kecemburuan ruangan ini – dunia ini fana justeru berpada-padalah dengan nikmat fananya yang memfanakan!

Penulis percaya, banyak lagi wasilah kemajuan yang dapat kita cedok dari akuarium pemikiran Za'ba; malah lebih giat lagi kajian perlu diprakarsakan untuk mencerakin manfaat kepemimpinan pemikirannya, guna merealisasikan gagasan pemajuan agama, bangsa dan nusa – hanya jauhari mengenal manikam. Amat sukar untuk kita berfikir dengan *manhaj* yang sama mengenai pemikiran teologi Islam Za'ba. Lantas, penulis mengalu-alukan kritikan susulan sebagai pascabedah monograf ini yang setiap kelemahannya terkandar di bahu penulis.

Semoga kelanjutan wacana ini dapat memberikan sekelumit manfaat, meskipun masih begitu banyak kelemahannya, kepada pembaca yang mendambakan kemajuan duniawi dan kebahagiaan ukhrawi. Segala kelemahan itu, penulis dakap sepasrahnya, sebagai insan akademik biasa.

Nordi Achie
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah

PRAWACANA

Monograf kerdil ini membicarakan pemikiran Islam Za'ba dengan rujukan khas terhadap persoalan iktikad takdir³ dalam hubungannya dengan kemeracauan pemikiran keagamaan dan kenazakan kehidupan duniawi orang Melayu khususnya dan umat Islam umumnya; lesu dan layu⁴ dalam segenap dimensi kehidupan serta menjadi mangsa jajahan "Kaum Kafir" persis "Al-Maseh Al-Dajal" – demikianlah Za'ba menerjahkan perasaan "marah-marah"nya.⁵ Monograf ini bukan sekadar bertujuan menelanjangi kegawalan persoalan "iktikad nasib" yang digeluti oleh orang Melayu - saudara sedarah sedaging dengannya, bahkan menjelaki dan mencungkil inti pati pemikiran teologi Islam Za'ba seperti yang terpatri dalam *Falsafah Takdir*. Penulis menggunakan pendekatan analisis tekstual. Teks yang digunakan ialah *Falsafah Takdir*. Penulis turut melestarkan gaya kepengarangan (bahasa dan ayat) yang asal dalam teks tersebut kerana itulah khazanah pemikiran Za'ba sebagai pengganti dirinya yang asli, buat mewakili iklim kebahasaan, panorama masyarakat dan potret zamannya juga.

Perlu ditegaskan, *Falsafah Takdir* itu sendiri secara terkhasnya, amat penting dalam konteks kajian ini kerana peranannya sebagai peranti terpenting yang merangkumkan keseluruhan susuk pemikiran Za'ba mengenai iktikad nasib dan iktikad takdir. Beberapa tulisannya mengenai iktikad takdir yang pernah tersiar menerusi majalah *al-Ikhwan*⁶ merupakan karya terjemahan, dan justeru kerana itu, *Falsafah Takdir* tidak wajar disamarupakan dengan tulisannya yang awal tadi kerana menurut Za'ba sendiri, *Falsafah Takdir* merupakan "sebuah kitab yang bersendiri".⁷

Perlu diakui bahawa amat sukar untuk mengukur aras keberkesanan *Falsafah Takdir* terhadap landskap kehidupan beragama masyarakat Melayu sezaman kerana aspek ini subjektif sifatnya – setakat mana karyanya ini mampu mengubah pemikiran dan pemahaman agama serta kehidupan duniawi anak bangsanya yang terus dipasung oleh iktikad nasib? Sungguhpun demikian, jika

diperhatikan perkembangan arus pemikiran intelektualisme Melayu sehingga 1990-an, kritikan Za'ba terhadap "iktikad nasib" yang dianut oleh orang Melayu dewasa itu, terus diperkatakan oleh (misalnya) Dr. Mahathir Mohamad⁸ dalam karyanya, *Dilema Melayu (1970)*⁹ dan *The Challenge (1997)*.¹⁰

Pada ketika *Falsafah Takdir* diterbitkan, agak menghairankan juga kerana keberadaan buku ini tidak dicurigai oleh aristokrat feudal Melayu, ulama Kaum Tua dan pihak British yang tidak sekhemah pemikirannya dengan Za'ba¹¹ - bukan kesemua persoalan sejarah dapat dikupas dengan bernes tanpa asas yang kukuh. Besar kemungkinan, pihak yang berkenaan (terutamanya aristokrat feudal Melayu dan ulama Kaum Tua) secara diam-diam akur dengan kebenaran kritikan Za'ba terhadap ketersilapan mereka dalam memahami iktikad takdir yang sebenarnya.

Antara persoalan penting yang dikupas meliputi: apakah bentuk silap faham terhadap iktikad takdir yang menyerabutkan pemikiran dan menggerutui kehidupan beragama masyarakat Melayu; di manakah terletaknya rangkaian punca asas ketersilapan tersebut; bagaimanakah kesan negatif silap faham dan tafsiran serong mengenai iktikad takdir telah menetaskan implikasi regresif dan anakronistik terhadap gelagat kehidupan dunia mereka, dan apakah kicauan dalil antap yang dihujahkan oleh Za'ba untuk memperbetul kelibat ketersilapan itu – kesemuanya akan dicerna daripada perspektif pemikiran Za'ba.

Dalam rangka menyiapkan monograf ini, buku *Za'ba dan Melayu* serta *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu* sangat berguna kepada penulis terutamanya untuk melakarkan latar belakang kehidupan Za'ba dan memahami sumbangan pemikiran Za'ba dalam pelbagai bidang (politik, Islam, ekonomi, pendidikan dan bahasa Melayu). Bagaimanapun, latar belakang kehidupan masyarakat Melayu pada zaman kolonial British tidak akan disentuh dalam monograf ini lantaran, di samping terdapat pelbagai kajian (khususnya sejarah) yang telah dilakukan mengenainya (merangkumi politik, ekonomi, pendidikan, budaya, Islam dan sebagainya),¹² hakikat kehidupan orang Melayu yang dihimpit derita

kemunduran dan dimamah perit kemiskinan dewasa itu, bukanlah asing dalam graha pengetahuan umum dewasa ini.

Begitu juga kesan akibat dasar pentadbiran kolonial British yang berperdukan ideologi kapitalisme kolonial¹³ – dasar yang memaksimakan keuntungan kepada penjajah sembari menistakan kepentingan pribumi yang dijajah, dan dendam kesumat anti-Islam yang tersemat di sebalik ekspedisi perluasan empayar imperialis¹⁴ Barat di Alam Melayu (yang telah menerima Islam sekitar abad ke-13 Masehi atau lebih awal lagi),¹⁵ ekoran meletusnya peristiwa Perang Salib-Sabit antara tentera Islam dengan Kristian – juga tidak disentuh oleh penulis. Secara umumnya, tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa zaman kolonial Barat, jika dilihat kesannya terhadap kesirnaan *izzah* Islam, selain terlohosnya penguasaan ekonomi ke tangan pihak penjajah dan aibnya taraf pendidikan anak negeri, apatah lagi dengan terburainya tuas empayar dan kuasa politik Melayu akibat buruan “diplomasi bersenjata” imperialis Barat, jelas menorehkan kemudarat terhadap pribumi itu sendiri. Hakikat ini sememangnya disedari oleh Za’ba. Za’ba melihat perubahan-perubahan tersebut sebagai “Kebaharuan alam”.¹⁶ Bertolak dari landasan kesedaran itulah, Za’ba menawarkan ramuannya tersendiri sebagai jalan keluar daripada cengkaman penjajahan dan belenggu kemunduran: *Falsafah Takdir*.

Setakat ini, kajian tentang pemikiran teologi Islam Za’ba terutamanya persoalan iktikad takdir - yang merupakan antara sendi penting dalam iktikad Islam sebagai Rukun Iman terakhir - masih tidak begitu giat diusahakan. Kecuali menerusi beberapa kajian tertentu yang disentuh oleh Adnan Hj. Nawang¹⁷ dan Abdul Rahman Abdullah,¹⁸ kajian yang pernah diusahakan oleh (misalnya) Zabedah Awang Ngah,¹⁹ Abdullah Hussain dan Khalid Husain,²⁰ Ungku Abdul Aziz,²¹ termasuklah Mohd. Taib Osman dan Hamdan Hassan²² serta Arba’iyah Mohd. Nor,²³ tidak membincangkan pemikiran teologi Islam Za’ba. Jika dibandingkan kajian yang diusahakan oleh Adnan dan Abdul Rahman,uraian Adnan mengenai pemikiran teologi Islam Za’ba khasnya tentang iktikad takdir agak mantap; tetapi Adnan tidak meneliti persoalan tersebut dengan lebih menyeluruh dan mendalam - sekadar

dua halaman sahaja.²⁴ Justeru, di sinilah terletaknya kepentingan monograf ini dalam menampung kekurangan mahupun kelemahan yang terdapat dalam kajian yang diusahakan oleh kedua-dua sarjana terdahulu itu.

Apabila hasil karya Za'ba diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1980, penulis mendapati, Hamdan Hassan (menerusi ruangan Pengenalan)²⁵ juga tidak memberikan perhatian sewajarnya terhadap inti sari pemikiran Za'ba mengenai persoalan iktikad takdir; walhal buku itu sendiri dipendekkan tajuknya oleh Hamdan menjadi *Falsafah Takdir*. Oleh itu, perhatian serius dan kupasan tuntas tentang aspek tersebut perlu diprakarsakan dalam kajian lanjutan supaya sumbangan pemikiran dan kepentingan Za'ba terutamanya dalam pensejarahan di Malaysia (termasuklah mengenai hal ehwal Islam) layak diganjarkan secara saksama.

Kita berasa bertuah dan berhak pula berbangga kerana dianugerahkan oleh Allah seorang tokoh intelektual Melayu, di samping ramai lagi yang lain, lantaran kegigihan dan keseriusannya memberikan kepemimpinan pemikiran terhadap masyarakat Melayu dewasa itu. Za'ba bukan sekadar menzahirkan kesanggupannya untuk menerima apa-apa sahaja bahana tekanan daripada pihak kerajaan kolonial British, aristokrat feudal Melayu dan ulama²⁶ Kaum Tua²⁷ yang tidak sealiran pemikiran dengannya, malah Za'ba berani menerjunkan dirinya dalam memperkatakan persoalan iktikad takdir yang paling rumit dan ruwet untuk diperjelas, sekalipun oleh golongan ulama yang lebih mengarifinya, berbanding Za'ba sendiri.

Sungguhpun begitu, dalam keadaan yang agak serba kekurangan (terutamanya dari segi mendapatkan bahan bacaan sezaman mengenai persoalan iktikad takdir), wejangan dan pemahaman Za'ba terhadap iktikad takdir tetap menepati garis dasar Islam. Ketika itu, bahkan santak ke hari ini, kedayaupayaan Za'ba dalam membicarakan persoalan iktikad takdir dan mengkritik iktikad nasib yang menggerutui pemikiran keagamaan dan menanahi kehidupan dunia masyarakat Melayu, masih tidak ada tolok bandingnya. *Falsafah Takdir* ialah karya

terpenting mengenainya. Dengan keberhasilan *Falsafah Takdir*, ini bermakna Za'ba muncul sebagai tokoh bukan agamawan (perhatian: Za'ba tidak mendapat pendidikan dalam jurusan Islam) yang telah memecahkan monopoli golongan tersebut dalam ranah ketakdiran. Malah, Za'ba telah mengatasi mereka dalam menyumbangkan perahan pemikirannya mengenai iktikad takdir.

Za'ba bukanlah antitakdir. Za'ba tidak mengkritik ajaran ketakdiran dalam Islam yang diimani sehingga ke akhir hayatnya, bahkan Za'ba serius menekuni tekstur keterpesongan pemahaman umat Islam terhadap iktikad takdir. Sebagai antagonis "iktikad nasib", Za'ba sedar kelemahan-kelemahan itulah yang turut memasung kehidupan duniawi orang Melayu sehingga mereka tenggelam dalam aib kemiskinan dan cemar penjajahan. Ketika terdapatnya sebahagian orang Melayu menganggap segala "nasib malang" yang tertimpa ke atas mereka sebagai takdir Allah – anggapan yang nyata terbabas daripada gerabak Islam hakiki, Za'ba pula nekad mengikishapuskan anggapan yang sesat lagi menyesatkan itu, dengan nafas-nafas keyakinan hujahnya.

Pemikiran Za'ba bukan sahaja realistik, malah praktikal pada prinsip dan gagasan kemajuan dalam tradisi Islam dari zaman kerasulan Muhammad²⁸ (s.a.w.) sehingga ke zaman kegemilangan Khalifah Turki Uthmaniah.²⁹ Dalam tempoh itu, kerajaan, tamadun dan umat Islam telah menjadi kiblat kemajuan manusia – Barat dan Timur, disegani malah digeruni oleh kerajaan yang bernaung atau berseteru dengannya. Malangnya, sinar keagungan umat Islam telah diremukkan oleh kuasa-kuasa kolonial Barat-Kristian sejak awal abad ke-16 hingga abad ke-20 Masehi.³⁰ Sekiranya umat Islam seluruhnya benar-benar memahami tuas ajaran ketakdiran seperti yang termaktub dalam al-Quran³¹ dan hadis³² (sahih), iktikad takdir itulah yang akan menobatkan mereka sebagai umat terbaik yang diutuskan kepada manusia – perkasa dan progresif, tanpa melupakan bahagian dan kebahagiaan abadi di persada akhirat.³³

Bagaimanapun, mengapakah mereka akhirnya bergelumang dalam kelodak keaiban duniawi yang ternista pula? Za'ba mempunyai

jawapannya tersendiri seperti yang diungkapkannya dalam *Falsafah Takdir*. Pembacaan monograf ini bermakna memusatfir koridor raya pemikiran teologi Islam Za'ba menerusi karya klasiknya itu - seumpama berdialog dengan pendeta takdir Melayu itu sendiri, semasa hayatnya.

Keberhasilan monograf ini amat bermakna buat penulis. Pertama, sebagai menghargai sumbangan dan kepentingan pemikiran Islam Za'ba. Kejayaan tidak akan dapat dikecapi sekiranya penulis terjebak menganuti "iktikad nasib", dan inilah antara inkarnasi sari fikir Za'ba lebih setengah kurun yang lalu. Penulis terkesan dengan hikmah pemikiran Za'ba: kita sendiri mesti menggilap tekad dan memperagakan usaha untuk menyulam kejayaan tanpa bergantung harap dengan sesiapa pun, lebih-lebih lagi jika kita sendiri berdaya upaya melangsaikannya secara bersendirian.

Ajaran ini juga merupakan antara legasi urat nadi pemikiran Za'ba yang diserantakannya menerusi *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri* (buku ini tidak diterbitkan lantaran Za'ba menjangkakan adanya tekanan daripada pihak kerajaan kolonial British, aristokrat feudal Melayu dan ulama Kaum Tua pada awal 1930-an).³⁴ Tekanan sedemikian, sesungguhnya mencair dalam jiwa mujahid dan mujadid seperti Za'ba; tidak ada apa-apa yang hendak dicuakkan sementelahan mengingat akan kebenaran ungkapan kata-kata Imamul Muhtadin Saidina Ali Abi Talib (r.a.):³⁵

Sepeninggalanku, akan datang suatu zaman di mana tidak ada yang lebih tersembunyi selain kebenaran; tidak ada yang lebih menonjol selain kebatilan; dan tidak ada yang lebih banyak [diperkatakan] selain kebohongan terhadap Allah dan Rasul-Nya. Di kalangan generasi yang hidup dalam zaman itu, tidak ada barang yang dijaahi orang lebih daripada Kitabullah Al-Quran, dan tidak ada yang lebih laris daripada Kitabullah yang diselewengkan maksud dan maknanya. Tidak ada yang paling diingkari orang selain kebijakan dan tidak ada yang paling baik selain kemungkaran.

Kitabullah dicampakkan oleh orang-orang yang membawanya dan dilupakan oleh mereka yang menghafalnya. Dalam zaman itu, Al-Quran dan para ahli Al-Quran, kedua-duanya akan tersingkir dan terkuncil. Kedua-duanya tetap berada di tengah-tengah ummat manusia, tetapi tidak berada di dalam hati mereka [S]esungguhnya kesesatan tidak akan dapat sejalan dengan hidayat, kendatipun dua hal itu berkumpul menjadi satu.

Ummat ini akan terpecah belah menjadi berbagai golongan dan kelompok. Mereka tampak sebagai para pemimpin yang teguh berpegang kepada Kitabullah, tetapi sesungguhnya Kitabullah tidak memimpin mereka Janganlah kalian tergesa-gesa mengharapkan apa yang akan terjadi di hari-hari mendatang, kerana betapa banyak orang yang tergesa-gesa ingin memperoleh sesuatu, justeru ia tidak dapat memperolehnya.³⁶

Kedua, monograf ini juga merupakan manifestasi hasil penyelidikan lanjutan di peringkat pascasarjana yang bertujuan meladeni cabaran dalam penulisan ilmiah - sejak penulis menyelesaikan tesis sarjana pada 2001 di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan dikonvokesyenkan pada tahun berikutnya.³⁷ Penulis berharap usaha ini dapat memerculkan sumbangsan dan kepentingan pemikiran teologi Islam Za'ba pada tempat yang sewajarnya. Sekiranya kita dapat mempelajari dan memahami sesuatu yang baharu daripada percikan pemikiran Za'ba khasnya mengenai persoalan dan permasalahan iktikad takdir, tidak syak lagi, demikianlah tujuan terakhir dalam penghasilan monograf ini.

Pada hemat penulis, *Falsafah Takdir* persis klinik pentarbiahan awal kepada sidang pembaca yang merindui rahsia ilmu-Nya yang maha luas dalam kerangka *qada'* dan *qadar*. Namun, *Falsafah Takdir* bukannya karya ilmiah yang definatif mengenai iktikad takdir, dan Za'ba juga tidak mengupasnya dari perspektif kefalsafahan. Sungguhpun demikian, sekiranya kita mengarifi persoalan dan permasalahan iktikad takdir lebih daripada Za'ba sendiri, tentulah adanya beberapa kekurangan dalam karyanya itu, dan bahkan dalam wacana seterusnya – dengan kritikan dan prakarsa akademik, ilmu terus bertunas segar.

Nota

- ¹ Surah Ali 'Imran: Ayat 139-143.
- ² Surah Ar-Ra'du: Ayat 12.
- ³ Secara umumnya, takdir bererti ketentuan dan ketetapan daripada Allah. Takdir berhubung kait dengan konsep *qada'* dan *qadar*. Sesuatu yang dikehendaki oleh Allah akan pasti terjadi atau diperoleh. Sekiranya seseorang menginginkan sesuatu dan berusaha mencapainya, tetapi gagal mendapatkannya, inilah yang dikatakan sebagai takdir – *qada'* dan *qadar* daripada Allah yang mempunyai hikmahnya tersendiri. Sebagai seorang Muslim, kita harus bersabar dan reda menerima takdir Allah. Untuk penjelasan asas, lihat (misalnya) Abu Bazli Abdul Kadir, *Aqidah dan Keimanan*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 125-139. Mohammad Khalifa, *Al-Quran dan Orientalisme*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, Bab XIII. Buku ini diterjemahkan oleh Zakaria Stapa dan Mohamad Asin Dollah. Tajuk asalnya *The Sublime Qur'an and Orientalism*.
- ⁴ Menurut Ismail al-Faruqi, punca kelemahan dan kelesuan umat Islam antara lain disebabkan oleh tiga asas utama: Dari segi politik, "umat Islam sendiri berpecah belah kepada 42 buah negara bangsa dan mudah diperkotak-katikkan oleh kuasa-kuasa besar". Dari aspek ekonomi, "dunia Islam merupakan tempat longgokan barangan asing dan teknologi siap guna – suatu kebergantungan yang melumpuhkan ekonomi mereka". Dari dimensi budaya, "umat Islam dijadikan watak-watak cemuhan orang Barat, dan umat Islam pula "terpisah dari jiwa Islamnya dan alpa dengan warisan Islamnya". Lihat M. Tariq Quraishi, *Isma'il Al-Faruqi: Warisan Zaman yang Abadi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 18. Buku ini diterjemahkan oleh Ahmad Shah Mohd. Noor. Lihat juga perspektif dan pendekatan kupasan yang lebih menarik dan berbeza menerusi buku yang ditulis oleh Abul Hasan Ali Al-Hasany An-Nadwy, *Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1984. Buku ini diterjemahkan oleh Bey Ariffin dan Yunus Ali Al-Muhdiar. Lihat juga Imam Munawwir, *Mengapa Umat Islam Dilanda Perpecahan*, Pustaka Nasional, Singapura, 1985.
- ⁵ *Utusan Melayu*, 20 Oktober 1919. Dipetik daripada Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 197.
- ⁶ Terdapat 15 tulisan Za'ba bertajuk "Takdir (sukatan azali) dalam Islam" yang disiarkan oleh *al-Ikhwan* (pada asasnya karya terjemahan hasil tulisan Dr. Basharat) pada 15 April 1928 hingga Ogos 1929. *Ibid.*, hlm. 46.

- ⁷ Za'ba, *Falsafah Takdir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 26. Penyunting buku ini ialah Hamdan Hassan. Kita amat terhutang budi dengan kegigihan Hamdan merumikan dan mengemas kini karya Za'ba yang diterbitkan pada 1932 (jawi).
- ⁸ Lahir pada 10 Julai 1925, di Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan Melayu dan Inggeris. Pendidikan tertinggi ialah di Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura (1947-1953). Mahathir pernah menjadi editor majalah *Darul Iman* (majalah *Maktab Sultan Abdul Hamid*) dan mengikuti kursus kewartawanan ketika menuntut di Singapura. Beberapa artikelnya pernah tersiar dalam *Straits Times* dan *Sunday Times*. Ketika itu, Mahathir juga diamanahkan sebagai Presiden Persatuan Muslim, Kolej Perubatan King Edward VII. Mahathir menjadi ahli UMNO sejak 1946 dan memenangi kerusi Parlimen Kota Setar Selatan pada 1964-1969. Dalam tempoh 1969-1972, beliau dibuang dari UMNO kerana mengkritik Tunku Abdul Rahman. *The Malay Dilemma*, bukunya yang kontroversi, buat julung kalinya diterbitkan pada 1970. Pada 1972, Tun Abdul Razak membawanya masuk semula ke dalam UMNO, sekali gus dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Pengurus FIMA. Mahathir dilantik pula sebagai Menteri Pelajaran pada 1974 dan memenangi kerusi Naib Presiden UMNO pada 1975. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO merangkap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri oleh Tun Hussein Onn, ekoran kematian Tun Razak. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat mulai 1981 hingga 2003. Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 29-31.
- ⁹ Lihat Bab 9 (Tatasusila dan Sistem Nilai Melayu). Edisi bahasa Melayu buku ini diusahakan oleh Ibrahim Saad.
- ¹⁰ Karya asalnya dalam bahasa Melayu bertajuk, *Menghadapi Cabaran*, diterbitkan pada 1976 (ulang cetak 1980) oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur. Lihat misalnya, Bab 5 (Materialisme dan Kerohanian) dan Bab 8 (Rohaniah dan Cabaran Moden).
- ¹¹ Ikuti perbincangan selanjutnya mengenai tekanan-tekanan yang dikenakan terhadap kegiatan penulisan Za'ba dan perjuangannya dalam gerakan reformisme Islam Kaum Muda.
- ¹² Mengenai latar belakang pendidikan dan ekonomi Melayu sehingga 1941, gambaran mengenainya dapat diperoleh menerusi beberapa kajian. Sekadar menyebut beberapa contoh, lihat Hasnah Husiin, "Peranan Guru-guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu, 1900-1941", *Disertasi Sarjana*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1999, Bab 1. Lihat juga tulisan mutakhir mengenainya, Abdul Halim Mahmud, "Orang Melayu

Sebelum Merdeka: Satu Tinjauan”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 31-2003, hlm. 45-64.

¹³ Untuk perbincangan lanjut, lihat Syed Hussein AlAttas, *Mitos Peribumi Malas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, Bab 6 dan Bab 12.

¹⁴ George Nadel dan Perry Curtis mentakrifkan imperialisme sebagai “perkembangan kuasa atau kawalan, sama ada secara langsung atau sebaliknya, terhadap aspek politik, ekonomi, oleh sesuatu kerajaan, bangsa atau masyarakat ke atas bangsa atau masyarakat yang lain, dan proses ini didukung oleh idea yang tersendiri”. Kolonialisme pula merujuk kepada dasar-dasar imperialis yang dipaksalaksanakan di tanah-tanah jajahan (atau koloni) yang terzahir menerusi hakikat penindasan, penghinaan dan eksplorasi terhadap penduduk pribumi yang dijajah oleh imperialis. Pada prinsipnya, semua perkembangan kolonialisme dikaitkan dengan imperialisme, tetapi bukanlah kesemua Imperialisme bermakna kolonialisme. George H. Nadel and Perry Curtis, *Imperialism and Colonialism*, MacMillan, New York, 1964, hlm. 1-3. Mengenai pendapat yang sedikit berbeza, lihat D.K. Fieldhouse, *Imperialism, 1870-1945: An Introduction*, MacMillan, London, 1983, hlm. 1. Untuk singkapan bandingan, lihat Cheah Boon Kheng, “Imperialisme dan Kolonialisme: Beberapa Pandangan”, dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1990, hlm. 1-16.

¹⁵ Abdul Aziz Mat Ton, “Kolonialisme dan Pengembangan Kristian di Nusantara Pada Awal Abad Ke-16 Hingga Ke-18: Satu Penelitian Awal”, *Sejarah*, No.3/1993-1994, hlm. 239-274.

¹⁶ Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 57.

¹⁷ Lihat dua buah bukunya, *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, Yayasan Penataran Ilmu, Kuala Lumpur, 1994 dan *Za'ba dan Melayu*.

¹⁸ Lihat bukunya, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Dewan Bahasa dan Pustaka (Kuala Lumpur) dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (Pulau Pinang), 1998, hlm. 164.

¹⁹ Lihat, “Za'ba (Pandangan dan kritik Za'ba mengenai soal sifat-sifat kemiskinan dan setengah aspek cara penghidupan orang Melayu, serta juga syor-syor atas jalan keselamatan bagi orang Melayu)”, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, B.A., Universiti Malaya, 1960.

²⁰ Lihat, *Pendita Za'ba dalam Kenangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.

²¹ Lihat, *Jejak-jejak di Pantai Zaman*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

²² Lihat buku yang disusunnya, *Bingkisan Kenangan untuk Pendita*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

- ²³ Lihat tulisannya, "Pemikiran Pendidikan Za'ba", *Purba*, Bil. 19-2000, hlm. 16-31.
- ²⁴ Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 77-78 dan *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, hlm. 123-124.
- ²⁵ Hamdan Hassan, "Pengenalan", dalam Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 1-25.
- ²⁶ Menurut *First Encyclopaedia of Islam 1913-1936*, ulama ialah "one who possesses the quality of 'ilm: knowledge, learning, science in the widest sense, and in high degree (*mubalagha*)". Untuk perbincangan lanjut, rujuk E.J. Brill (*et al.*), *First Encyclopaedia of Islam 1913-1936*, M.T. Houtsma, Leiden, 1987, hlm. 994. Untuk perbezaan antara ulama Sunni dan Syiah, rujuk John. L. Esposito, *The Oxford Encyclopaedia of the Modern Islamic World*, Vol. 4, Oxford University Press, New York, 1995, hlm. 258-264.
- ²⁷ Mereka bertaklid buta dengan ulama-ulama mujtahidin dan fanatik pula dengan mazhab tertentu yang mereka anuti serta tidak berpemikiran dinamik dan progresif, malah tidak membawa apa-apa perubahan dan kemajuan kepada orang Melayu. Ulama Kaum Tua juga bukanlah bermakna mereka golongan tua. Ukurannya ialah dari aspek pemikiran terhadap Islam. Sebahagian daripada mereka berperanan sebagai birokrat agama dan mempunyai hubungan rapat dengan pihak istana. Sesetengah sarjana, melabelkan "Kaum Tua" sebagai ulama konservatif atau ortodoks. Lihat (misalnya) Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Bab 1- Bab 4. Mengenai pertelingkahan antara "Kaum Tua-Kaum Muda" di Tanah Melayu dalam konteks latar belakang zamannya, lihat (antaranya) Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Bab 2 dan William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, Bab 3.
- ²⁸ Lahir pada tahun 570 Masehi di Mekah. Sejak berumur enam tahun telah menjadi yatim piatu, dan dipelihara oleh datuknya, Abdul Mutalib dan seterusnya Abu Talib (bapa saudara). Keluarga Muhammad mempunyai pengaruh yang besar di Mekah khasnya dari aspek kepemimpinan. Baginda digelar al-Amin kerana kejayaannya menyelesaikan pertelingkahan mengenai Hajarul Aswad di Kaabah. Muhammad berkahwin dengan Khadijah ketika berumur 25 tahun, dan diutus sebagai Rasul pada tahun 610 Masehi. Muhammad menyebarkan Islam di Mekah selama 10 tahun dengan menghadapi pelbagai ancaman dan tekanan, seterusnya berpindah ke Madinah dan wafat pada tahun 632. Untuk butiran umum, lihat Bakhtiar Rahman, *Biography of Prophet*

Muhammad, Research & Information Centre on Islam, Kuala Lumpur, 1998.

- ²⁹ Diasaskan oleh Uthman Erbakan, diperintah oleh 37 khalifah. Khalifah yang terkenal ialah Urkhan, Muhammad II (Abu al-Fatih), Sulaiman II (al-Qanuni), Murad I dan Biyazid. Empayar yang terbesar di sekitar Anatolia melalui dasar perluasan kuasa termasuklah menentang kuasa Kristian di Byzantin. Pada 1352, Kerajaan Turki Uthmaniah mula memasuki Eropah untuk meluaskan kuasa dan dakwah Islam. Abad ke-16 ialah Zaman Keemasan Kerajaan Turki Uthmaniah. Empayar seluas kira-kira 400,000 batu persegi di Eropah. Bagaimanapun, pada abad ke-17, empayar ini mula mengalami zaman kemundurannya sehingga tewas dalam Perang Dunia I, dan menyebabkan Turki dilabel sebagai "Orang Sakit Eropah". Untuk mengikuti latar belakang dan proses kejatuhan empayar tersebut, lihat (misalnya) William H. McNeill, *Kebangkitan Barat: Sejarah Masyarakat Manusia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 640-645.
- ³⁰ Sekadar menguis beberapa contoh: Tunisia jatuh ke tangan Peranis pada 1881. Mesir ditakluk oleh British pada 1882. Algeria ditundukkan oleh Perancis pada 1847. India dijajah oleh British pada 1858. Empayar Turki terpecah akibat kekalahannya dalam Perang Dunia I di tangan pakatan British-Rusia-Perancis. Indonesia pula diisyiharkan sebagai tanah jajahan Belanda pada 1816. Tanah Melayu jatuh ke tangan British seakhir 1919. Iraq pula ditadbir oleh British atas nama Liga Bangsa pada 1920. Iran dikuasai oleh tentera British-Rusia pada 1914-1918 dan ditawan tentera British-Amerika-Soviet Union pada 1941-1945. Afghanistan pula diletakkan di bawah kuasa British pada 1838-1842. Syria ditawan oleh British pada 1920. Untuk perbincangan lanjut, lihat H.R. Gibb, *Whiter Islam: A Survey of Modern Movement In the Moslem World*, Victor Gollancz Ltd., London, 1932, hlm. 75-99; 99-171; 171-237 dan 313-381. P.M. Holt (ed.), *The Cambridge History of Islam*, Cambridge University Press, London, 1970, hlm. 468-495 dan 566-595. Arthur Gold Schmidt, Jr., *A Concise History of the Middle East*, Westview Press, Boulder, 1979, 141-162 dan 165-238. Tibor Kerekes (ed.), *The Arab Middle East and Muslim Africa*, Frederick A. Praeger Publisher, New York, 1961, hlm. 9-47 dan 63-85. Sydney N. Fisher, *The Middle East: A History*, Alfred A. Knopf, Inc., 1979, 259-397. S.F. Mahmud, *The Story of Islam*, Oxford University Press, Karachi, 1959, hlm. 229-337. Fadhullah Jamil, *Islam di Asia Barat Moden: Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*, Thinker's Library, Batu Caves, 2000, hlm. 143-159; 197-239 dan 299-327. W.N. Weech, *Sejarah Dunia*, Jilid II, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 441-463; 539-551. Ali Abdul Halim Mahmud, *Invasi Pemikiran dan Pengaruhnya Terhadap*

Masyarakat Islam Masa Kini, Pustaka Nasional, Singapura, 1989, hlm. 123-152 dan 152-171.

- ³¹ Pengertian asasnya ialah *kalamullah* yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) merupakan mukjizat dan membacanya beroleh ibadat; diturunkan dengan perantaraan malaikat Jibril dalam bahasa Arab. Untuk butiran lanjut, lihat (misalnya) Rozali Adam, *Al-Quran: Di Antara Tafsir dan Israiliyat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, Bab 1. Untuk perbincangan lanjut, lihat Mohammad Khalifa, *Al-Quran dan Orientalisme*, Bab XIII.
- ³² Sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah (s.a.w.) sama ada perkataan, perbuatan, ikrar (pengakuan) atau sikap (dan sifat) meliputi zaman sebelum dan sesudah kerasulan baginda. Untuk perbincangan lanjut, lihat Mohd. Muhiden Abd. Rahman, "Al-Hadith: Kedudukan dan peranannya dalam Islam", dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 4, Mei 1996, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. A. Monir Yaacob, *Sejarah Perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, Bab 4. Abu Husny, *Pembinaan Perundangan Hukum Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1987, hlm. 54-79.
- ³³ Surah Al-Qasas: Ayat 77.
- ³⁴ Mengenai latar belakang buku ini, lihat Bahagian 1.
- ³⁵ Sepupu Muhammad (s.a.w.), menantu baginda (suami Siti Fatimah, puteri bongsu Rasulullah) dan Khalifah ar-Rasyidin terakhir. Dibesarkan bersama Muhammad (s.a.w.) dan setelah ayah-ibunya meninggal dunia, Ali diasuh dan dididik sendiri oleh baginda Rasulullah. Semasa hayatnya, Rasulullah pernah bersabda: "Wahai Ali, engkau akan mengalami hal-hal yang pernah dialami oleh anak Maryam (Isa). Ia sangat dicintai oleh kaum Nasrani hingga mengangkatnya melebihi ukuran yang semestinya (mempertuhankan Isa), dan kaum Yahudi pula sangat membencinya [Isa] hingga bondanya tercenggang". Kebenaran sabda ini benar-benar berlaku selepas kewafatan baginda sehingga munculnya kaum Rawafidh yang mempertuhankan Ali – mereka telah dibakar hidup-hidup oleh Ali setelah enggan bertaubat! Lantaran itulah, Ali menegaskan: "Ada dua macam orang binasa keranaku: Pertama, orang yang menyanjung diriku secara berlebih-lebihan ... Kedua, orang yang sangat benci kepadaku hingga ia melemparkan tuduhan [palsu] kepadaku ...". Dipetik daripada H.M.H. Al-Hamid Al-Husaini, *Imamul Muhtadin Sayidina Ali bin Abi Thalib*, Klang Book Centre, Kelang, 1991, him. 680-681.
- ³⁶ *Ibid.*, hlm. 536-537. Gaya kepengarangan asalnya yang keIndonesiaan seperti yang dipetik di atas, dikenalkan oleh penulis.
- ³⁷ Tesis tersebut telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya pada 2003 dengan mengekalkan tajuk asalnya: *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*.